



E-BULETIN ACIS

MENGGAPAI ANGKASA, MEREALISASI CITA-CITA

Kembali selepas daripada naskhah terakhir, E-Buletin ACIS edisi keempat MAC 2024 menampilkan tema 'menggapai angkasa, merealisasi cita cita'. Selari dengan matlamat mendokong wawasan UiTM ke arah *Globally Renowned University* menjelang 2025, ACIS komited dalam meningkatkan *visibility* fakulti ke persada antarabangsa. Beberapa siri projek memperkukuh hubungan baik bersama organisasi di peringkat antarabangsa telah dijalankan antaranya bersama kedutaan Arab Saudi, Qatar, Jordan, Kuwait dan rakan strategik sekitar Thailand, Indonesia, Brunei dan Jepun. Edisi kali ini juga merangkumkan dua tahun pentadbiran YBhg. Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani sebagai dekan ACIS.

MENARIK EDISI KEEMPAT:

MISI PENGANTARABANGSAAN ACIS:
ARAB SAUDI, QATAR, JORDAN, KUWAIT, IRAQ,
JEPUN, INDONESIA, BRUNEI & THAILAND

SEMINAR ANTARABANGSA
ICIS, ISPS & IPCIS

MEMPERKASA
ENTITI
KECEMERLANGAN

MOU &
MOA

ACIS &
KOMUNITI





5 Februari 2024

Lawatan ke Maahad Tahfiz FAQEH Temerloh Pahang
Objektif utama adalah bagi mewujudkan kerjasama dua hala khususnya dalam bidang pendidikan dan penyelidikan murid khas. Pendekatan terapi wudhuk, Al-Quran, Rukyah, solat, selawat dan zikir didapati memberi impak yang positif terhadap pembinaan tingkahlaku dan sikap murid di maahad taafiz faqeh.

Selain dari memfokuskan kepada pendidikan Islam dan pengisian kerohanian untuk murid, para ibubapa dan para guru juga diberikan pendedahan mengenai bagaimana mendidik dan menyantuni anak-anak berkeperluan khas dengan sebaiknya.

UiTM adalah antara universiti awam yang memberi peluang kepada OKU untuk menyambung pengajian dalam pelbagai bidang bersesuaian.

[26 Oktober 2023]

Sesi Dialog Meja Bulat Bersama NGO Orang Kurang Upaya

Program yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Cempaka 5 selama 2 jam ini; bertujuan untuk memperkasa golongan OKU, melalui perbincangan meja bulat bersama NGO serta mencadangkan penyelesaian kepada isu permasalahan yang dihadapi oleh mereka khususnya yang berkaitan dengan agama dan sosial. Selain itu, pertemuan ini akan menggalakkan perkongsian ilmu, pertukaran idea dan pengalaman. Program Meja Bulat ini diselenggarakan oleh Pusat Penyelidikan dan Pendidikan OKU, ACIS UiTM Shah Alam.

Di antara wakil NGO yang hadir adalah:

1. Dato' Megat Ahmad Shahrani (The National Autism Society of Malaysia)
2. En Shahdan (Pertubuhan PDK Mutiara Hatiku Shah Alam)
3. Pn Rafidah (Malaysian Advocates For Cerebral Palsy)
4. Dr Nurul Huda (Gabungan Anak-anak Palsi Serebrum)
5. Dr Aliyyah (Pertubuhan Kanak-kanak Idaman Nasional (KIND))
6. En Zamzuri (Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia KL)





اُنِيُوْزْ سَيِّتِيْ تَاكُوْ لُوْجِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UITM)
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA



<https://acis.uitm.edu.my>



korporatacis@uitm.edu.my



+603- 5544 2650



[acis.uitm](#) 



Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar, serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA terlebih dahulu.